



## MENGENAL ubat anda

Ubat-ubat antikulat merupakan golongan ubat anti-jangkitan yang digunakan untuk merawat jangkitan kulat pada kulit, kuku-kuku, mulut, tekak dan alat kelamin. Ubat-ubat ini boleh didapati dalam bentuk tablet, krim atau losyen dan pesari.

Contoh-contoh ubat antikulat dalam kelas ini termasuk Clotrimazole, Isoconazole, Miconazole, Griseofulvin, Fluconazole, Terbinafine dan Amorolfine.

## BAGAIMANAKAH saya mengambil/menggunakan ubat ini?

### Tablet oral/ Kapsul:

- Ambil dengan makanan atau selepas makan.
- Habiskan semua ubat yang telah dipreskripsikan kepada anda, walaupun anda sudah mula berasa keadaan bertambah baik. Anda mungkin perlu meneruskan pengambilan ubat ini untuk beberapa minggu selepas kulit anda kelihatan sembuh. Rawatan yang tidak sempurna akan mengakibatkan jangkitan yang berulang atau menyebabkan berlakunya rintangan terhadap rawatan.

### Krim-krim:

- Sapukan pada kawasan kering yang bersih satu atau dua kali sehari seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

### Pesari vagina:

Masukkannya ke dalam vagina (alat kelamin) pada waktu malam, sebelum tidur.

- Kosongkan pundi kencing anda.
- Tanggalkan pembalut pesari dan basahkan pesari dengan air.
- Baringkan diri dan bengkokkan kaki.
- Pegang pesari dengan satu tangan. Masukkannya dengan perlahan-lahan ke dalam vagina dengan menggunakan jari. Jangan masukkan pesari lebih dalam daripada tempat yang anda rasa selesa.
- Undurkan jari anda. Pesari sekarang akan berada di dalam vagina (alat kelamin).

Jangan terlupa sebarang dos. Jangan hentikan penggunaan pesari walaupun haid bermula semasa rawatan.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak  
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

## Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Ambil/guna dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa dan ambil/guna dos tersebut mengikut jangka masa yang dijadualkan. Jangan gandakan dos anda demi menggantikan dos yang terlupa.

## Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Simptom-simptom di bawah mungkin berlaku. Jumpa doktor anda sekiranya sebarang simptom-simptom adalah teruk dan berlarutan.

- Mual, muntah
- Kesakitan perut
- Cirit-birit

Hentikan pengambilan ubat dan jumpa doktor kecemasan jika anda mengalami simptom-simptom berikut:

- Ruam kulit
- Kebengkakan mata
- Susah bernafas

Simptom-simptom berikut mungkin berlaku dengan pengambilan Griseofulvin. Elakkan pendedahan yang tidak perlu terhadap cahaya matahari atau sapu krim penghalang cahaya matahari. Kesakitan kepala anda, kalau berlaku, akan hilang dengan rawatan berterusan.

- Kulit sensitif terhadap cahaya matahari terik
- Kesakitan kepala

Kesan-kesan sampingan selain daripada yang disenaraikan mungkin juga boleh berlaku. Jumpa doktor anda tentang sebarang kesan sampingan yang nampaknya luar biasa atau menyebabkan kesusahan.

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum pengambilan ubat, beritahu doktor anda jika:

- Anda alahan terhadap ubat-ubat antikulat atau sebarang ubat yang lain.
- Anda sedang hamil atau menyusui anak.
- Anda sedang mengambil sebarang ubat lain atau produk-produk jamu.

## Semasa rawatan jangkitan vagina (alat kelamin):

Anda mungkin perlu memakai pelapik penyerap untuk mencegah ubat daripada mewarnai pakaian dalam anda. Amalan kesihatan yang baik dapat mencegah jangkitan daripada berulang. Pastikan kawasan tersebut bersih dan kering. Selalu memakai pakaian dalam yang baru dicuci. Pasangan anda mungkin perlu menerima rawatan sekiranya dia juga dijangkiti.

## Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat-ubat anda di dalam peti sejuk kecuali jika diarahkan untuk membuat demikian.